



PERDANA LIBRARY
PERDANA LEADERSHIP FOUNDATION
NEWSPAPER CLIPPING

Newspaper	Berita Harian
Date	19/9/2011

Rakyat terima transformasi politik

Keputusan kerajaan hapus ISA bukan desakan mana-mana pihak: Najib

Oleh Abdul Razak Raaff
dan Rosli Abdul Jalil
bhnews@bharian.com.my

PEKAN: Sikap rakyat yang semakin matang, kejayaan pembangunan negara dan peningkatan kesedaran masyarakat terhadap hak asasi manusia membolehkan kerajaan melakukan transformasi politik, termasuk memansuhkan Akta Keselamatan Dalam Negeri (ISA), kata Datuk Seri Najib Razak.

Perdana Menteri berkata pemsuhan ISA juga adalah satu usaha untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara demokrasi terbaik di dunia.

"Sudah tiba masanya kita melangkah sederap ke hadapan lagi membawa Malaysia kepada sebuah negara yang begitu tinggi dalam bidang ekonomi, sosial, taraf pendidikannya dan pegangan amalan demokrasi berparlimennya.

"Kita yakin dan percaya bahawa kita perlu menjadi negara moden dan progresif tetapi pada masa sama sentiasa menjaga hak asasi rakyat sama ada di bandar atau luar bandar.

"Ini bukan desakan mana-mana pihak tetapi jasa dan budi kerajaan

Barisan Nasional (BN) yang telah diperjuangkan selama ini," katanya berucap pada majlis Rumah Terbuka Aidilfitri beliau di Taman Tasik Sultan Abu Bakar di sini, semalam.

Lebih 50,000 orang termasuk pemimpin tempatan mengunjungi rumah terbuka Najib bermula jam 10 pagi hingga 3 petang yang julung kali diadakan di taman tasik itu kerana sebelum ini majlis sama diadakan di pusat bandar ini.

Sultan Pahang, Sultan Ahmad Shah dan Sultanah Pahang, Sultanah Kalsom dan Tengku Mahkota, Tengku Abdullah turut berangkat mencemar duli menghadiri rumah terbuka yang menyediakan kira-kira 130 gerai pelbagai jenis makanan termasuk hidangan istimewa penduduk Pekan seperti murtabak raja, opor daging, pu-

ding raja dan laksa Pahang, kuih tepung talam dan tepung bungkus.

Najib berkata, keputusan memansuhkan ISA dan beberapa akta lain yang akan digantikan dengan baru, adalah satu detik sejarah kerana kita sudah mencapai kualiti pembangunan yang baik, minda masyarakat lebih terdidik dan sikap masyarakat yang menuntut sistem demokrasi.

"Kejayaan Malaysia memacu kemajuan pembangunan lebih baik daripada negara lain di dunia yang mencapai kemerdekaan terdahulu atau sama dengan kita membolehkan rakyat negara ini mempunyai sistem pendidikan, sistem nilai kehidupan yang lebih matang dan keterbukaan minda.

"Ini turut membolehkan kerajaan bergerak ke hadapan dan melaksanakan transformasi politik dengan memastikan pembelaan ke atas masyarakat dan rakyat terus diberi perhatian," katanya.

Terdahulu, Najib dan isterinya, Datin Seri Rosmah Mansor turut menyampaikan sambutan kepada 240 bakal haji dalam Parlimen Pekan yang akan berangkat ke tanah suci Makkah bermula 29 September ini.

Sementara itu di KUALA LUM-

PUR, Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin mengulas kebimbangan sebilangan rakyat mengenai kemungkinan ada pihak tertentu mengambil kesempatan selepas pemsuhan ISA, berkata kerajaan membuat keputusan selepas mengkaji dan menelitinya secara mendalam, termasuk menghormati hak serta kebebasan rakyat sebagaimana termaktub dalam Perlembagaan.

"Keputusan memansuhkan ISA berpandukan kepada Perlembagaan. Dalam undang-undang, tidak ada satu pihak yang terkecuali. Kalau dia melakukan kesalahan yang boleh membawa kesan kepada keselamatan dan keamanan rakyat, maka pasti ada undang-undang yang boleh dirujuk supaya tindakan berasaskan undang-undang dapat diambil.

"Maknanya tanpa ISA, tidak bermakna rakyat boleh bebas melakukan perkara dengan tidak mengambil kira kesannya kepada negara. Mungkin dia kata ini kebebasan dia, tetapi jika kebebasannya itu memberi kesan kepada kebebasan dan keselamatan rakyat terbanyak, maka mesti ada undang-undang yang boleh digunakan untuk mengambil tindakan... tidak kira siapa saja," katanya.

